

26 JAN 1996

Kamil-Israel

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL HANYA SELEPAS PROSES DAMAI SELESAI

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Malaysia akan hanya menimbang untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Israel sekiranya proses damai antara Israel dan Syria yang berjalan sekarang dapat dilaksanakan sepenuhnya, kata Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar.

"Kita sedang mengikuti perkembangan hasil rundingan damai Israel-Syria secara dekat, kerana kita mahu pastikan proses damai itu bergerak ke arah yang betul," katanya di sini malam ini.

Beliau mengulas laporan Reuters dari New Delhi yang memetik Menteri Kewangan Israel, Abraham Shohat sebagai berkata bahawa beliau menjangkakan hubungan rasmi antara Israel dan Indonesia dan Malaysia akan dijalin tidak lama lagi.

Ahmad Kamil memberitahu Bernama: "Soal hubungan diplomatik tidak timbul kini sehinggalah proses damai di Asia Barat selesai, dan sebarang perjanjian yang mungkin ditandatangani antara Israel dan Syria dapat dilaksanakan."

Beliau menegaskan Malaysia tidak akan bergopoh-gapah untuk menjalinkan hubungan dengan Israel sehinggalah masalah dengan Palestin dan Asia Barat diselesaikan.

Katanya, Malaysia akan hanya menimbang untuk mewujudkan hubungan diplomatik dengan Israel berdasarkan kepada perjanjian yang akan ditandatangani dengan Syria dan juga pelaksanaan prinsip-prinsip yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

"Selepas itu barulah kita boleh mengadakan hubungan dengan Israel," tambahnya. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata bahawa Malaysia masih belum bersedia untuk mewujudkan hubungan diplomatik dengan Israel.

"Sehingga tiba masanya, kita tidak dapat berbuat apa-apa. Kita perlu menunggu untuk melihat perkembangan rundingan damai dengan Syria. Selagi masalah ini terus diabaikan, sukar bagi kita untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel," katanya.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telahpun diarah mengkaji bidang yang sesuai bagi mengadakan hubungan perdagangan dengan negara Yahudi itu.

Menterinya, Datuk Seri Rafidah Aziz telah berkata keputusan untuk mengadakan perdagangan dengan Israel dipercepatkan dengan perkembangan yang berlaku di Asia Barat selepas perjanjian damai ditandatangani antara Israel dan PLO pada 13 September, 1993. -- BERNAMA.